



PETIKAN AKHBAR

Penentuan semula perbelanjaan antara opsyen kerajaan sokong langkah bantuan

PETIKAN AKHBAR | 01 JUN 2021



Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz (Gambar fail)

KUALA LUMPUR, 1 Jun – Angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia akan terjejas selepas banyak industri ditutup berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, kata Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Kerajaan masih membuat anggaran impak dan mungkin ada semakan.

"Ia masih terlalu awal. Kita perlu menganalisis keadaan umum untuk melihat apa dan berapa banyak sektor dan syarikat yang masih dibuka.

"Kita juga perlu melihat kesan fasa kedua dan membuat unjuran sepanjang tahun," katanya pada sidang media di sini hari ini selepas ditanya mengenai hutang berkanun negara yang berada pada 58.5 peratus susulan pengumuman mengenai pakej bantuan PEMERKASA Plus semalam.

Sementara itu, beliau ketika mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin sebelum yang menyatakan bahawa kedudukan kewangan negara adalah agak mencabar berkata, ini disebabkan negara

berada dalam krisis sekarang ini tetapi terdapat wang untuk membiayai belanjawan itu iaitu melalui peningkatan pinjaman.

"Itulah sebabnya jangkaan belanjawan defisit negara telah melepasi apa yang telah kita ketepikan sebagai bajet ... ketika ia diumumkan di Parlimen pada November tahun lalu. Ia adalah 5.4 peratus dan saya baru-baru ini menyemaknya semula kepada 6.0 peratus.

"Memandangkan keadaan tersebut, saya fikir ia akan naik terutamanya apabila anda melihat kepada KDNK, yang mungkin akan disemak semula ke bawah," katanya lagi.

Dalam mengumpul dana bagi membiayai pakej rangsangan, salah satu pilihan adalah untuk menjimatkan perbelanjaan negara, mengawal atau mengutamakan semula beberapa perbelanjaan.

Kedua, kerajaan boleh melihat kepada barisan hasil teratas, untuk melihat sama ada terdapat lebih banyak dividen atau pendapatan daripada ekosistem kerajaan yang merangkumi badan berkanun serta syarikat berkaitan kerajaan.

Manakala ketiga, yang telah dilakukan oleh kerajaan dan mungkin terus dibuat adalah dengan menambah hutang.

"Sekarang sudah masuk bulan Jun dan kita boleh melihat semula bagaimana kita berbelanja untuk sepanjang baki tahun. Apa yang penting, kita akan terus mengeluarkan wang kepada rakyat dan perniagaan sebanyak yang kita mampu," katanya.

Bernama

[Siaran Media](#)

[Koleksi Ucapan](#)

[Petikan Akhbar](#)

[Foto](#)

[Video](#)

[Pengumuman](#)

[Laporan LAKSANA](#)

[Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

TMK 1

KELUARGA MALAYSIA

PENJANA

PRIHATIN

PRICE OF PETROLEUM

HARGA MINYAK

BUDGET 2022